




## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN NEGERI SEMBILAN



LAPORAN TAHUNAN  
**2019**

**DITERBITKAN OLEH**  
**UNIT KORPORAT & INOVASI**

**UNIT KORPORAT & INOVASI**  
Majlis Perbandaran Seremban,  
Wisma MBS,  
Persiaran Forest Height 1,  
Jalan Seremban - Tampin,  
70450 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.



# JEJAK Warisan Seremban

## PENGENALAN JEJAK WARISAN SEREMBAN

Jejak Warisan Seremban merupakan satu projek pemeliharaan dan pemuliharaan Warisan yang terdapat di dalam Bandar Seremban. Projek ini dikelolakan oleh pihak Majlis Perbandaran Seremban dengan kerjasama Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan pihak swasta. Projek Jejak Warisan Seremban ini merupakan salah satu inisiatif yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan dan Strategik Pelancongan Seremban 2018-2023. Berikut merupakan objektif di dalam Projek Jejak Warisan Seremban :

- Melindungi dan memelihara keunikan warisan yang terdapat di Bandar Seremban untuk generasi akan datang.
- Meningkatkan imej kawasan warisan Seremban dan mempromosikan Jejak Warisan dan Makanan sebagai sumber tarikan pelancongan.
- Mewujudkan peluang perekonomian kepada penduduk yang terdapat disekitaranya.
- Melahirkan semangat Cintakan Negara dan berbangga menjadi Warganegaranya.

Diharapkan melalui projek ini dapatlah bersama masyarakat di daerah Seremban saling menghargai, bekerjasama dan berbangga dengan keunikan Warisan dan Budaya yang terdapat di daerah Seremban.



## JATA NEGERI SEMBILAN

Lambang / Jata ini merupakan sebuah perisai dengan sembilan tangkai padi yang memberi makna percantuman sembilan buah negeri dan bintang berbucu sembilan di bawahnya membawa maksud yang sama.

Di atas perisai ini bersilang sebilah pedang yang terhunus dengan sarungnya dan di antara pedang dan sarungnya terhunus sebilah mata tombak dan di tengahnya "Changgai Putri" yang merupakan cogan kebesaran peribadi Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Warna Perisai tersebut adalah warna Merah, Hitam dan Kuning iaitu menyamai warna Bendera Negeri Sembilan.

## SEJARAH BANDAR SEREMBAN

Bandar Seremban muncul seperti mana bandar-bandar lain di negara ini iaitu di sekitar tahun 1870-an dan dipercayai bermula apabila kawasan di sekitar Rasah didapati kaya dengan hasil bumi iaitu bijih timah. Apabila ia itu mengalami kemasukan penduduk (migrasi) yang pesat terdiri dari orang-orang Cina, Arab dan juga orang-orang Melayu dari tempat lain, Seremban bukan sahaja menjadi pusat melombong bijih timah tetapi juga pusat perdagangan. Peniaga-peniaga pada masa itu menggunakan Sungai Linggi sebagai laluan pengangkutan perdagangan mereka manakala penduduk Melayu tempatan di kawasan ini kebanyakannya adalah petani.

## PERALATAN PERLU DIBAWA SEMASA LAWATAN

Pakai pakaian dan kasut yang selesa, bawa topi, payung, air minuman dan kamera semasa lawatan.



## MEMORI SEREMBAN



PERHENTIAN BAS SEREMBAN 1950an



PEJABAT KERAJAAN, 1894



STesen Kereta Api, 1894



MASJID JAMEK SEREMBAN

# JEJAK Warisan Seremban

## 1 STESEN KERETA API SEREMBAN



1

Stesen kereta api Seremban dibina antara 1904 hingga 1910 dengan kos sebanyak RM26,000.00. Kemudian, Keretapi Tanah Melayu mengambil alih tanggungjawab mengelola semua landasan di Malaya pada tahun 1948. Stesen ini terus menawarkan layanan kereta api antara bandar di sepanjang Jalur Utara-Selatan serta menawarkan perkhidmatan pengiriman barang.

0 KM

2

Savano Jalan Persekutuan

Monumen KM 0 ini merupakan aras pengukuran jarak Jalan Persekutuan. Laluan 1 dari Seremban ke Gemas dan Seremban ke Kuala Lumpur (Jalan Lama), Laluan 11 bagi Jalan Bahau ke Keratong, Laluan 51 dari Seremban ke Kuala Pilah, Laluan 86 dari Seremban ke Kuala Klawang-Simpang Pertang dan Laluan 97 dari Paroi ke Senawang seperti yang telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan pada 19 Oktober 1989.

## 3 KUIL SRI BALATHANDAYUTHAPANI



3

Kuil Sri Balathandayuthapani dibina pada tahun 1895 di atas sebidang tanah yang disumbangkan oleh kaum Chettiar. Kuil ini merupakan 17 bangunan yang wujud pada tahun tersebut.


## 4 MASJID NEGERI



4

Masjid Negeri siap di bina pada tahun 1966 dan dirasmikan oleh Almarhum Tuanku Jaafar Al-Haj Ibni Almahrum Tuanku Abdul Rahman pada 24 November 1967. Reka bentuk masjid ini dipengaruhi reka bentuk ciri-ciri minangkabau. Bentuk bumbung berpaksikan 9 tiang melambang ada 9 daerah di Negeri Sembilan.


## 5 TAMAN TASIK SEREMBAN



5

Taman tasik ini merupakan salah satu daripada taman tasik semulajadi yang tertua di Malaysia yang wujud pada tahun 1900. Ianya menjadi tempat beriadah seisi keluarga masyarakat setempat. Pelbagai kemudahan yang ada di sini antaranya trek larian, Taman Orkid, restoran, tandas awam, tempat permainan kanak-kanak dan sewaan basikal.

## 6 POKOK GETAH TERTUA DI NEGERI SEMBILAN



6

Pokok getah yang mempunyai lilitan batang sepanjang 3.5 meter dan berketinggian 25 meter ini dianggarkan berusia lebih 120 tahun. Pokok berkenaan dipercayai ditanam oleh pelopor industri getah di negara ini iaitu Sir Henry Nicholas Ridley. Pokok getah yang hidup di sebelah Galeri Diraja itu merupakan salah satu daripada 22 anak benih yang dibawa dari Kew Gardens, England pada tahun 1877.

# JEJAK Warisan Seremban


## GALERI DIRAJA TUNKU JA'AFAR



7

Galeri Diraja Tuanku Ja'afar diberi nama bagi mengenang jasa DYMM Almarhum Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman adalah sebuah galeri yang dibangunkan untuk menyalurkan maklumat institusi Diraja Negeri Sembilan kepada pengunjung. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan, kesenian dan pelancongan juga diadakan di sini.

## PEJABAT DAERAH & JABATAN UKUR



8

Bangunan bekas Pejabat Daerah dan Jabatan Ukur ini dibina pada tahun 1912. Bangunan ini dijadikan kediaman pegawai British semasa zaman pentadbiran Kapten Murray. Bangunan ini mempunyai ciri-ciri senibina kolonial dengan dua aras ketinggian yang menggunakan batu-bata merah dan lantai di aras duanya menggunakan kekemasan kayu. Bangunan ini dipengaruhi oleh seni bina *Palladian Architecture* dan *Victorian Neo-Renaissance*.


## PEJABAT SUK LAMA NEGERI SEMBILAN



9

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) lama (White House) yang terletak di Jalan Dato' Hamzah mula dibina pada tahun 1912 oleh Arthur Benison Hubback. Bangunan ini berbentuk memanjang dan beranjung serta mempunyai ciri-ciri reka bentuk bangunan British. Bangunan ini dahulunya merupakan pejabat SUK Negeri Sembilan bermula tahun 1914 hingga 1987 dan pernah melalui era peperangan iaitu Perang Dunia Pertama, Perang Dunia ke-2 dan darurat.


## ISTANA HINGGAP



10

Istana Hinggap ini dahulunya merupakan kediaman rasmi Residen British di Negeri Sembilan. Dalam tahun 1960-an, bangunan ini dijadikan Istana Hinggap Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan sehingga kini.

## DEWAN UNDANGAN NEGERI



11

Bangunan ini telah dibuka dengan rasminya pada 26 September 1987 oleh DYMM Tuanku Ja'afar Al-Haj ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Bangunan ini merupakan lokasi bagi persidangan Dewan Undangan Negeri dalam menggubal perundangan berhubung dasar-dasar utama, perbelanjaan kerajaan dan perbincangan perkara umum fungsi jabatan.

## CHURCH OF THE VISITATION



12

Gereja ini merupakan gereja tertua di Seremban dan dibina pada tahun 1885 untuk komuniti Katolik yang semakin bertambah. Gereja ini terletak di pusat bandar Seremban.

# JEJAK Warisan Seremban

## RUMAH IBADAT KAUM SIKH (GURDWARA)

GURDWARA SAHIB SEREMBAN

13

Pada tahun 1881, pasukan polis yang terdiri daripada 75 orang berbangsa Sikh di bawah pimpinan W. W. Douglas ditempatkan di Sungai Ujong. Sekitar tahun 1900, orang-orang Sikh membina Sikh Gurdwara Sahib pertama di Jalan Yam Tuan, Seremban.

## DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

14

Dewan Majlis Perbandaran Seremban telah dibina sejak 3 dekad yang lalu. Ia dibina pada tahun 1987 dan telah dirasmikan pada 8 Mac 1989. Bangunan ini merupakan tempat pihak berkuasa tempatan bermesyuarat berkaitan pembangunan perbandaran di daerah Seremban. Senibina bangunan ini dipengaruhi oleh senibina Minangkabau. Sehingga kini bangunan ini tersergam indah dan menjadi kebanggaan masyarakat di bandar Seremban.


## DATARAN SEREMBAN

15

Dataran Seremban yang menghiasi pintu masuk utama ke bandar Seremban kini menjadi kawasan tumpuan pengunjung yang popular. Dataran ini dahulunya merupakan bekas tapak padang Sekolah Convent, Seremban.

## BANGUNAN BSN SEREMBAN

16



Pada tahun 1897 bangunan ini merupakan Pejabat Lembaga Pembersihan dan Jabatan Agama Negeri. Semasa kependudukan Jepun bangunan ini merupakan Pejabat Risikan Polis (*KEMPEITAI*) dan diambil alih oleh pihak berkuasa tempatan selepas Perang Dunia ke-2. Bangunan ini dahulunya pernah dijadikan Pejabat Majlis Bandaran Seremban (MBS) dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Kini bangunan ini telah dijadikan Ibu Pejabat Bank Simpanan Nasional Negeri Sembilan.

## BANGUNAN SAINS

17



Bangunan ini dibina dalam tahun 1920-an. Ia dijadikan sebagai balai bomba yang berada dibawah pentadbiran *Inspectorate of Fire Services*. Pada tahun 1994, bangunan ini diubahsuai dan dijadikan sebagai bangunan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS).

## MASJID JAMEK SEREMBAN

18



Masjid ini telah dibina semula pada tahun 1900 di atas tapak masjid asal yang dibina daripada kayu. Ia juga merupakan antara majid tertua di Negeri Sembilan dan telah didaftarkan sebagai Bangunan Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

# JEJAK Warisan Seremban

## BANGUNAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG


19



Bangunan ini dibina semasa era pemerintahan British yang digunakan sebagai Mess dan Kelab Pegawai British. Bangunan ini bercirikan konsep "Neo-Classical Building". Bangunan di Jalan Campbell ini telah diambil alih menjadi Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan sehingga ke hari ini.

## BALAI POLIS LAMA SEREMBAN

20



Bangunan ini telah wujud sejak 1927 dan pernah dijadikan balai polis selama hampir 20 tahun. Kini bangunan ini telah diambil alih oleh Perniagaan Ban Joo Lee Sdn Bhd. Usia bangunan ini hampir mencapai 100 tahun.

## SMK KING GEORGE V

A



SMK King George V (*Government English School*) dilancarkan pada 15 Januari 1923 di dalam sebuah bangunan stesen kereta api. Pada 7 Oktober 1926, bangunan utama sekolah ini mula dibina dan telah dirasmikan oleh W.G. Ormsby Gore pada 23 April 1928. SMK KGV pernah dijadikan sebagai hospital pada zaman pemerintahan Jepun. Bilik dewan utama sekolah pernah dijadikan bilik penyejahteraan oleh askar Jepun.

## JEJAK BUDAYA MASYARAKAT SEREMBAN

- 1
- 2
- 3
- 4
- 5
- 6

- 7
- 8
- 9



# JEJAK BUDAYA MASYARAKAT SEREMBAN

## 1 LIEH SHENG GONG



Lieh Sheng Gong pernah diubahsuai secara besar-besaran pada tahun 1897. Tapak pembinaan tokong telah diusahakan oleh Kapitan Tam Yeong. Reka bentuk tokong ini dipengaruhi senibina bangunan Kantonis. Penganutnya menyembah Panglima Kwan Yu, Wah Kong (dewa puak Kantonis) dan Wah Tuo (Dewa Ubat).

## 2 PERSATUAN FUI CHIU NS



Persatuan Fui Chiu (Hakka) Negeri Sembilan mempunyai sejarah lebih dari 100 tahun. Sebelum Perang Dunia Pertama, bangunan ini merupakan sebuah syarikat perniagaan bernama Kong Sang. Ia juga pernah dijadikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Xun Min yang diasaskan oleh Persatuan Fui Chiu Negeri Sembilan.

## 3 PERSATUAN HAINAN NS DAN TOKONG TIAN HOU



Persatuan Hainan Negeri Sembilan (dahulu disebut sebagai Keng Chew Kuan Negeri Sembilan) diasaskan pada tahun 1902. Pada awalnya aktiviti persatuan ini berpusat di tokong Tian Hou. Bangunan dua tingkat ini dibina pada tahun 1976. Sebuah bangunan bertingkat dua dibina di belakang tapak tokong. Bangunan ini berfungsi sebagai pusat kegiatan aktiviti persatuan.

## 4 PERSATUAN SEI YAP NEGERI SEMBILAN DAN TOKONG MAN CHEONG



Persatuan Sei Yap Negeri Sembilan diasaskan pada tahun 1888. Penganutnya menyembah Dewa Man Cheong (Dewa Pelajaran) di sini.

## 5 TOKONG TAM GONG




Artifak didalam Tokong Tam Gong telah wujud sejak tahun 1890. Dewa Tam Gong merupakan kepercayaan puak Fui Chew (Hakka) dan mempunyai mitos tersendiri.

## 6 EX-CHINESE YOUTH MISSION SOCIETY



Pada tahun 1915, Pastor Tan Tien Chang dan Ketua Inspektor Polis Seremban, Bailey (seorang Inggeris) serta pemimpin masyarakat Cina tempatan menyewa sebuah rumah kedai di Jalan Yam Tuan. Mereka menggunakan rumah ini sebagai sebuah sekolah yang menempatkan 17 orang murid. Kedai ini kemudiannya digunakan sebagai pejabat dan tapak perhimpunan bagi Persatuan Tiong Hua Negeri Sembilan.

## 7 SEREMBAN METHODIST CHURCH



DULU: 1916: Blok Utama sekolah ACS didirikan.

KINI: 1920: Pastor Ti Ann Jian dan mualigh Rev. T.W. Bowmar mendirikan Gereja batu bata yang lebih berbentuk ke arah rekaan British. Kos pembinaan RM20,000 ditanggung oleh pemimpin masyarakat Cina, Wong Yek Tong dan Tan See Kee.

1960: Di bawah pimpinan pastor Rev. Fang Chao Hsi, blok tambahan dua tingkat didirikan. Kos pembinaan lebih kurang RM67,000 dibiayai oleh ahli ketiga Gereja.

## 8 KELAB MELAYU SEREMBAN



Kelab Melayu Negeri Sembilan telah diasaskan pada tahun 1918 dan pada awal penubuhannya ia dikenali dengan nama Kelab Maa'mor mengambil nama sempena Pemerintah Sungai Ujong (Undang Luak Sungai Ujong) pada masa itu iaitu Yang Amat Mulia Dato'

Kelana Petra Dato' Maa'mor Bin Kassim. Pada tahun 1951, Kelab Maa'mor telah didaftarkan sebagai Persekutuan Persidangan Belia dibawah Ordinan Pertubuhan 1949. Pada tahun 1970, Yang Di Pertua Kelab ke-9, telah Meminda Undung-Undang Tubuh Persekutuan Persidangan Belia dengan menukar nama Persekutuan Persidangan Belia kepada Kelab Melayu Negeri Sembilan dan pindaan tersebut didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Nama Kelab Melayu Negeri Sembilan adalah kekal hingga kini.

## 9 CEYLONSE SEREMBAN



Persatuan Ceylonese ditubuhkan pada tahun 1904 dengan tujuan menjaga kebijakan komuniti Ceylonese di Negeri Sembilan. Pada 8 Mac 1950, Persatuan Ceylonese Negeri Sembilan didaftarkan secara rasminya dan beroperasi di dewan Vivekananda.

# DENAI ROHANI HARMONI



Denai Rohani Harmoni Seremban di Jalan Yam Tuan menunjukkan keunikian masyarakat majmuk di Negeri Sembilan di mana laluan ini terdapat rumah ibadat pelbagai kaum.

Kewujudan ini membuktikan bahawa penduduk berbilang kaum di Negeri Sembilan hidup aman dan damai. Sikap toleransi menjadi tonggak keharmonian dan perpaduan kaum di sini.



# PRODUK WARISAN LAIN

## MUZIUM NEGERI

Muzium Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada tahun 1953 iaitu apabila Yam Tuan ke 8, Tuanku Abdul Rahman memberikan kebenaran supaya Istana Ampang Tinggi Kuala Pilah dipindahkan ke Taman Bunga di Jalan Dato' Hamzah, Seremban dan dijadikan sebagai Muzium Negeri. Oleh kerana lokasinya tidak sesuai, Muzium ini telah dipindahkan ke Kompleks Taman Seni Budaya di Jalan Sungai Ujong pada tahun 1984 sehingga sekarang.



## ISTANA AMPANG TINGGI

Istana Ampang Tinggi, Kuala Pilah merupakan istana Yamtuan Ulin, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Yang Ke-5 (1861-1869) atau lebih dikenali dengan gelaran Yamtuan Imam. Istana ini siap dibina pada tahun 1865. Tapak asal istana ini terletak di kawasan tanah padi di Kampung Ampang Tinggi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.



## RUMAH NEGERI SEMBILAN

Menurut catatan juga, sebuah rencana mengenai rumah ini ada tersiar dalam akhbar *The Strait Times* dalam tahun 1979 menyebut tarikh rumah ini dibina kira-kira dalam tahun 1898 Masihi dengan perbelanjaan RM400 sahaja. Dikatakan juga bahawa rumah ini pernah dirombak dan dibawa oleh pemerintah Inggeris dulu ke London untuk pameran dalam tahun 1924.





## CHETTIAR TEMPLE

Kuil Hindu komuniti Chettiar di Seremban terletak di Jalan Temiang, Seremban. Ia memiliki gerbang lengkung dengan patung-patung berwarna-warni di atasnya. Nama rasminya adalah Kuil Sri Selva Vinayagar.

## TOKONG THEN TZE KHOON

Tokong Then Tze Khoon terletak di puncak Bukit Jong sekitar 127 meter di atas permukaan laut. Tokong ini berusia lebih dari 140 tahun dan keindahannya menarik pengunjung dari seluruh Malaysia dan sekitarnya. Mempunyai 264 anak tangga untuk naik ke atas.



## SUNGEI UJONG WALK


Sungei Ujong Walk juga dikenali sebagai Singapore Street di kalangan masyarakat setempat. Kawasan ini menjadi tumpuan masyarakat untuk memperolehi keperluan barang dapur dengan harga berpatutan. Kini, Sungei Ujong Walk terkenal juga dengan deretan gerai-gerai makanan yang dibuka setiap hari bermula jam 6 petang.

## BENTENG WALK

Pada Jun 1983, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) telah membuka pasar malam atau "Street Market" yang pertama di Negeri Sembilan yang terletak di tengah-tengah bandar Seremban iaitu di Jalan Tunku Hassan. Kini ia dikenali sebagai Benteng Walk yang beroperasi di Jalan Dato' Abdul Rahman setiap hari bermula dari 5 petang sehingga larut malam. Pelbagai pilihan makanan tempatan ada dijual di sini.




# JEJAK MEMORI BANDAR LAMA SEREMBAN



Nota: Anggaran masa lawatan 2 jam

# Isi Kandungan

Laporan Tahunan 2019 – Majlis Perbandaran Seremban



## 01 Pengenalan

Sejarah MPS.....	1
Perutusan Yang Dipertua.....	4
Piagam Pelanggan.....	6
Bunga Rasmi & Lagu Rasmi MPS.....	20
Visi, Misi, Moto dan Objektif MPS .....	22
Kawasan Pentadbiran MPS.....	23
Demografi Penduduk.....	24
Barisan Pengurusan MPS.....	25
Ahli Majlis MPS.....	26

## 02 Laporan Jabatan

Jabatan Khidmat Pengurusan.....	27
Jabatan Kejuruteraan.....	61
Jabatan Kewangan.....	79
Jabatan Kawalan Bangunan.....	89
Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi .....	96
Jabatan Perancangan Pembangunan .....	113
Jabatan Penilaian & Hartanah.....	122
Jabatan Komuniti & Perhubungan Awam.....	131
Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan .....	142
Jabatan Pelesenan & Pembersihan.....	145
Jabatan Taman & Landskap .....	155
Unit OSC .....	171
Unit COB .....	176
Unit Audit Dalam.....	185

## 03 Anugerah & Pengiktirafan .....

194

# SEJARAH MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

## ERA LEMBAGA KESIHATAN



Sebelum zaman pendudukan Jepun, peranan Unit Penguasa Tempatan Seremban (dikenali sebagai Lembaga Kesihatan - (1897) terletak dibawah pentadbiran Residen yang ditubuhkan melalui Warta Kerajaan No. 285 bertarikh 15hb. September 1899) masih lagi terhad kepada menyediakan keperluan asas sahaja. Namun selepas Perang Dunia Ke-II, pembangunan bandar Seremban begitu pesat dimana perubahan demi perubahan yang berlaku memaksa Lembaga Kesihatan yang terhad aktivitinya diubah menjadi sebuah Lembaga Bandaran melalui Warta Kerajaan No. 143 bertarikh 12hb. Januari 1946 sehingga 1953 apabila ianya dinaikkan taraf kepada Majlis Bandaran Seremban. Pengerusi Lembaga Bandaran Seremban selepas perang ialah seorang pegawai Inggeris, LHN Davis manakala Pegawai Daerah Seremban merangkap Setiausaha Lembaga Perbandaran ialah YM Raja Azman Bin Raja Sir Chulan

Berikutan dari peristiwa di atas, maka muncul deretan kedai di sepanjang Jalan Murray (Jalan Kapitan Tam Yeong), Jalan Pasar dan jalan-jalan utama seperti di Jalan Paul (Jalan Yam Tuan) dan Jalan Birch (Jalan Dato` Bandar Tunggal) yang mana semua nama-nama jalan ini mengambil sempena nama Residen - Residen British ketika itu. Seremban yang awalnya dikenali sebagai Sungai Ujong dipercayai mendapat namanya dari permainan tradisional " **Sarimban** " yakni sejenis permainan yang menggunakan batu-batu kecil dan amat diminati oleh kaum Cina untuk dimainkan dimasa lapang berhampiran dengan Stesen Keretapi Seremban.



Apabila Negeri Sembilan telah menjadi anggota Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896, Seremban dengan sendirinya menjadi pusat pentadbiran, perdagangan dan pertanian bagi Negeri Sembilan. Seremban dianggarkan pada waktu itu (1916) memiliki penduduk seramai 20,000 orang dimana deretan bangunan kedai telah pun mula dibina disepanjang Jalan Paul, Jalan Birch, Jalan Cameron (Jalan Dato' Lee Fong Yee) dan Jalan Setul (Jalan Tun Dr. Ismail).

## ERA MAJLIS BANDARAN SEREMBAN



Tanggal 1953, Perlembagaan Lembaga Perbandaran Seremban telah dimansuhkan oleh Raja-Raja melalui Warta Kerajaan No. 262 bertarikh 14hb. April 1953. Mematuhi Seksyen 51 (1) Ordinan Pilihanraya Pihak Berkuasa Tempatan 1950, Pilihanraya Kerajaan Tempatan yang pertama telah diadakan pada 22hb. Ogos 1953. Pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban pada waktu itu sering silih berganti mengikut suasana politik semasa di bandar Seremban. Bandar Seremban telah dibahagikan kepada 4 kawasan pilihanraya iaitu kawasan Temiang, kawasan Lake, kawasan Rahang dan kawasan Lobak. Berikut adalah senarai Pengerusi atau Presiden Majlis Perbandaran Seremban bermula

dari tahun 1953 - 22hb. Julai 1965. Pada tanggal 23hb. Julai 1965, pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban telah diambil alih oleh YAB. Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan.

<b>Pengerusi (Presiden) Majlis Bandaran Seremban</b>		
Bil.	Nama	Tahun
1	YM Tunku Mustapha	1954 -1956
2	En. Jaafar Bin Tahar	1957-1958
3	En. Tham Tat Ming	1959
4	En. Robert Singam	1960
5	En. Lam Teck Choon	1961
6	En. Chin See Yin	1962
7	En. P Gumam Singh Gill	1963 -1964
8	En. Lai Pong Yuen	1965 -22 Julai 1965

## **PENYUSUNAN SEMULA KERAJAAN TEMPATAN DI MALAYSIA**

Majlis Perbandaran Seremban telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dimana ianya dinaikkan taraf dan diisytiharkan sebagai Majlis Perbandaran Seremban pada 1hb. Mac 1979 dengan YAB Dato` Menteri Besar Negeri Sembilan kekal selaku Yang Dipertua Majlis dan dibantu oleh seorang Timbalan Yang Dipertua yang menjalankan tugas eksekutif sepenuh masa. Sehingga pada 1hb. Ogos 1998, tanggungjawab serta tugas selaku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban telah diserahkan secara rasmi oleh YAB Dato` Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa Bin Dato` Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus kepada seorang pegawai kerajaan yakni Dato' Haji Hassan @ Hasanni Bin Mohd. Zain sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban.

## **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN**

<b>YAB Dato' Rais Bin Yatim</b>	<b>1978 - 1982</b>
<b>YAB Dato` Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa Bin Dato` Haji Abdul Samad</b>	<b>1982 - 31 Julai 1998</b>
<b>Y.Bhg. Dato' Haji Hassan @ Hasanni Bin Mohd. Zain</b>	<b>1 Ogos 1998 - 7 Julai 2003</b>
<b>Y.Bhg. Dato' Mohd Jaafar Bin Mohd Atan</b>	<b>1 Ogos 2003 - 15hb Ogos 2004</b>
<b>Y.Bhg. Dato' Haji Abd. Halim Bin Abd.Latif</b>	<b>1 September 2004 - 31 Julai 2018</b>
<b>Y.Bhg. Dato' Hj Zazali bin Salehudin</b>	<b>1 Ogos 2018 - sehingga kini</b>



>>>

## PERUTUSAN YANG DIPERTUA



## PERUTUSAN YANG DIPERTUA

### MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam BERSIH MUAFAKAT SEJAHTERA

Alhamdulillah, pertamanya ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi atas berkat keizinan dan kurniaNya, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dapat menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan 2019 MPS. Saya percaya, dengan penerbitan laporan ini sebagai wadah penyampaian maklumat dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada semua.

MPS komited dalam menggalas serta melaksanakan dasar kerajaan iaitu selaras dengan motto kerajaan negeri iaitu Bersih, Muafakat dan Sejahtera. Hal ini terbukti melalui penglibatan MPS dalam melaksanakan pelbagai program dari pelbagai sektor sama ada dari sudut pembangunan ekonomi, pelancongan, alam sekitar, kebudayaan, dan lain-lain. Tempat yang bersih indah dan selesa untuk didiami, bekerja dan kompetitif untuk pelaburan. Aspek kebersihan, kesihatan, pembangunan infrastruktur dan kerohanian yang seimbang amat dititikberatkan supaya masyarakat Seremban yang mampan dapat diwujudkan.

Bagi tahun 2019, pelbagai kejayaan telah diraih oleh MPS di pelbagai peringkat dimana pada tahun 2019 telah diiktiraf sebagai Bandar paling Bahagia sempena Hari Kebahagiaan Sedunia 2020 dengan tema “Bahagia dan Makmur Bersama”.

Penyertaan MPS dalam Inovasi dan Kreativiti telah merangkul banyak gelaran iaitu pingat Emas bagi Konvensyen Mini *Team Excellence* Peringkat Wilayah Selatan Tengah (Mtex) dan Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah Tengah (Rtex) dan tempat ke-3 bagi *Innovation Conference And Exposition* (Apic) 2019. Kejayaan yang telah dikecapi oleh MPS ini diharap dapat meningkatkan semangat, kesungguhan dan akauntabiliti setiap warga MPS dalam memberikan perkhidmatan dan urustadbir yang cemerlang dan sokongan warga Seremban untuk bersama-sama memastikan perancangan dapat dicapai.

Penglibatan masyarakat dalam program-program anjuran Majlis juga amat penting sebagai sokongan kepada usaha yang dilaksanakan oleh MPS untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Seremban.

Akhir kata, saya berdoa semoga segala titik peluh dan pengorbanan warga MPS akan diberkati dan segala urusan akan dipermudahkan Allah SWT, Insha Allah, Seremban Bertaraf Majlis Bandaraya pada tahun 2020 – Ayuh kita bersama-sama terus mengorak langkah untuk mencapai visi ini.

Dato' Haji Zazali bin Salehudin

D.B.N.S, K.M.N

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Kejuruteraan

### 1. PENGURUSAN PROJEK

Jabatan ini dari masa ke semasa akan menambah baik kemudahan sediada di sekitar kawasan pentadbiran Majlis dengan menjalankan projek-projek pembangunan dan akan menyiapkan projek-projek dalam tempoh tertentu.

Tempoh yang dinyatakan adalah dengan beranggapan setiap projek yang dijalankan tidak menghadapi sebarang masalah di tapak bina dan peruntukan mencukupi. Oleh itu, tempoh munasabah bagi pembinaan yang akan diambil adalah seperti berikut:

NO	KOS PROJEK	<RM200K	<RM500K	RM500K – RM5 JUTA	>RM5 JUTA
1	Menaiktaraf Longkang	8 Minggu	12 Minggu	6 Bulan	12 Bulan
2	Menaiktaraf Jalan	6 Minggu	8 Minggu	4 Bulan	6 Bulan
3	Menaiktaraf Bangunan	6 Minggu	12 Minggu	6 Bulan	12 Bulan
4	Membina Baru bangunan	3 Bulan	6 Bulan	12 Bulan	18 Bulan

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	Jalan:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerosakan kecil (Portholes)</li><li>• Kerosakan besar</li><li>• Tanah runtuh yang menganggu keselamatan awam</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak melebihi 3 hari setelah aduan diterima</li><li>• Tidak melebihi 1 bulan setelah kontraktor dilantik</li><li>• Tidak melebihi 24 jam setelah dikenal pasti atau aduan diterima</li></ul>
2	Perabot Jalan:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerosakan papantanda/guardrail/handrailing/pondok menunggu bas<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Kerosakan kecil</li><li>➢ Kerosakan besar</li></ul></li><li>• Garisan jalan pudar</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak melebihi 3 hari setelah aduan diterima</li><li>• Tidak melebihi 1 bulan setelah kontraktor dilantik</li><li>• Tidak melebihi 3 hari setelah aduan diterima</li></ul>
3	Saliran: <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerosakan kritikal yang boleh menganggu keselamatan awam</li><li>• Kerosakan kecil</li><li>• Kerosakan besar</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak melebihi 1 hari setelah aduan diterima</li><li>• Tidak melebihi 7 hari setelah aduan diterima</li><li>• Tidak melebihi 1 bulan setelah kontraktor dilantik</li></ul>
4	Bangunan:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Kebocoran paip/bumbung/sistem kumbahan</li><li>• Kerosakan rumit</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak melebihi 3 hari setelah aduan diterima</li><li>• Tidak melebihi 1 bulan setelah kontraktor dilantik</li></ul>
5	Elektrik:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerosakan kecil lampu jalan</li><li>• Keorsakan besar/rumit lampu jalan dan pendawaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak melebihi 3 hari setelah aduan diterima</li><li>• Tidak melebihi 7 minggu setelah aduan diterima</li></ul>
6	Kelulusan:- Kelulusan permit gali menggali	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak melebihi 1 minggu dengan syarat tiada sebarang masalah dan pindaan</li></ul>



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Kewangan

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	<p><b>UNIT HASIL</b>            Bil-bil tuntutan cukai taksiran (cukai pintu) akan diposkan / diserahkan kepada pemilik-pemilik harta selewat-lewatnya pada tarikh berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Taksiran Setengah Tahun Pertama</li> <li>• Taksiran Setengah Tahun Kedua</li> </ul>	31hb Januari 31hb Julai
2	Notis membuat bayaran cukai taksiran (Borang E) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Taksiran Setengah Tahun Pertama</li> <li>• Taksiran Setengah Tahun Kedua</li> </ul>	Notis dipos selewat-lewatnya pada 31hb Mac  Notis dipos selewat-lewatnya pada 30hb September
3	Memastikan bil-bil sewa dikeluarkan dan dihantar kepada penyewa-penyewa gerai.	Sebelum 7hb dalam setiap bulan
4	<p><b>UNIT BAYARAN &amp; AKAUN</b>            Bayaran perkhidmatan / bekalan dan lain-lain pembekal / kontraktor</p>	7 hari bekerja daripada tarikh baucer diterima dengan lengkap



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Kawalan Bangunan

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan bangunan untuk Projek Perumahan	14 hari bekerja
2	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan bangunan bagi Projek Perniagaan	14 hari bekerja
3	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan Bangunan untuk Banglo Persendirian	14 hari bekerja
4	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan bangunan untuk Projek Industri / Bengkel	14 hari bekerja
5	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan bangunan untuk Tambahan / Ubahan	21 hari bekerja
6	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan bangunan untuk lain-lain binaan	14 hari bekerja
7	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan bangunan untuk Struktur Antena Telekomunikasi	14 hari bekerja
8	Memproses dan memberi ulasan atau syor permohonan kelulusan pelan bangunan untuk Sijil Layak Menduduki Bangunan	14 hari bekerja
9	Memproses Permohonan surat Perakuan Siap & Pematuhan (CCC)	14 hari bekerja



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Khidmat Pengurusan

### Unit Tadbir

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	perkhidmatan berikut:- <ul style="list-style-type: none"> <li>Dewan MPS</li> <li>Kubur</li> <li>Peralatan</li> <li>Memproses bayaran balik wang deposit</li> <li>Memproses semua invois untuk dikemukakan ke Jabatan Kewangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>30 minit</li> <li>10 minit</li> <li>15 minit</li> <li>14 hari</li> <li>7 hari dari tarikh terima invois</li> </ul>
2	Penguatkuasaan <ul style="list-style-type: none"> <li>Lawatan ke kawasan letak kereta yang ditetapkan</li> <li>Mengeluarkan kompaun (kepada yang melanggar peraturan)</li> <li>Mengeluarkan resit bayaran untuk kompaun dan peringatan makluman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Setiap Masa</li> <li>Serta Merta</li> <li>Serta Merta</li> </ul>

### Unit Personel

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
<b>Urusan Perjawatan dan Pengambilan</b>		
1	Mohon pertimbangan dan kelulusan jawatan berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1 hari selepas kelulusan YDP</li> </ul>
2	Iklan Jawatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>7 hari selepas kelulusan YDP</li> </ul>
3	Temuduga	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 bulan selepas kelulusan YDP</li> </ul>
4	Surat Tawaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>1 minggu selepas kelulusan YDP</li> </ul>

### Unit Korporat Dan Inovasi

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	Sistem Pengurusan Audit Nilai <ul style="list-style-type: none"> <li>Penilaian secara Online</li> <li>Borang Maklumbalas pelanggan</li> <li>Laporan Audit Nilai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebulan</li> <li>Sebulan</li> <li>7 hari bekerja</li> </ul>
2	Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) <ul style="list-style-type: none"> <li>Audit EKSA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>3 kali setahun</li> </ul>
3	Sasaran Kerja Tahunan (SKT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>2 kali setahun</li> </ul>
4	Menguruskan Lawatan dari dalam dan Luar Negara	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bergantung kepada permohonan lawatan</li> </ul>
5	MS ISO 9001 : 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan audit setiap tahun</li> <li>Pensijilan semula</li> </ul>

**MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN****PIAGAM PELANGGAN****Jabatan Undang-Undang Dan  
Penguatkuasaan**

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	Menjalankan siasatan keatas setiap aduan dari tarikh yang diterima	3 hari bekerja
2	Memberi maklumbalas bagi setiap aduan dari tarikh siasatan dijalankan	3 hari bekerja
3	Memulangkan barang-barang sitaan yang telah dijelaskan bayaran dari waktu tuntutan dibuat	1 jam (hari bekerja)



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Penilaian Hartanah

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	<b>PENGURUSAN SURAT MENYURAT AWAM</b> 1.1 Perkara teknikal dibalas dari tarikh penerimaan surat	28 hari bekerja
2	<b>URUSAN TUKAR NAMA DAN ALAMAT PEMILIK / PENDUDUK</b> 2.1 Diselesaikan dalam hari yang sama jika pemohon hadir sendiri ke pejabat (Bagi urusan tidak melebihi 3 rekod harta) 2.2 Bagi urusan yang melibatkan 1 pemilik / penduduk atas 1 harta akan dapat diselesaikan dari tarikh penerimaan surat 2.3 Bagi urusan yang melibatkan ramai pemilik / penduduk atas 1 harta akan dapat selesaikan setelah semua maklumat diperoleh	Diselesaikan pada hari yang sama  5 hari bekerja  5 hari bekerja
3	<b>PERMOHONAN POTONGAN CUKAI TAKSIRAN (REMISI) KE ATAS BANGUNAN KOSONG.</b> 3.1 Surat akuan terima dibalas dari tarikh penerimaan surat 3.2 Surat pemberitahuan berkaitan jumlah potongan (remisi) yang diluluskan dihantar/diposkan <ul style="list-style-type: none"><li>• Bagi setengah tahun pertama</li><li>• Bagi setengah tahun kedua</li></ul>	5 hari bekerja   Sebelum atau pada 30 Januari Sebelum atau pada 30 Julai
4	<b>MEMBEKAL MAKLUMAT BERKAITAN TANAH DAN BANGUNAN</b> 4.1 Diberikan kepada pemohon jika hadir sendiri ke pejabat bagi urusan tidak melebihi 3 rekod harta 4.2 Dihantar/diposkan maklumat yang dikehendaki dari tarikh penerimaan surat permohonan	Diukur pada setiap hari bekerja pada setiap bulan  5 hari bekerja
5	<b>URUSAN BANTAHAN / RAYUAN KE ATAS CUKAI TAKSIRAN YANG DIKENAKAN</b> 1.1 Surat akuan terima bantahan ke atas kerja-kerja pindaan yang dijalankan dihantar/diposkan dari tarikh penerimaan surat 1.2 Surat berkaitan penjelasan umum dibalas dari tarikh penerimaan surat 1.3 Surat Keputusan bantahan dihantar/diposkan	5 hari bekerja  10 hari bekerja  Sebulan selepas keputusan bantahan



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Perancangan Pembangunan

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	<b>KEBENARAN MERANCANG</b>  1.1 Memberi ulasan Kebenaran Merancang bagi mendirikan bangunan / tukar syarat/ penyataan / pecah sempadan tanah 1.2 Proses Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang bagi mendirikan bangunan / tukar syarat/ penyataan / pecah sempadan tanah	14 hari bekerja 14 hari bekerja
2	<b>PERMOHONAN MENAMAKAN TAMAN, JALAN DAN MENOMBORKAN BANGUNAN</b>  2.1 Memberi ulasan permohonan menamakan taman, jalan dan menomborkan bangunan	14 hari bekerja
3	<b>KELULUSAN PELAN BANGUNAN</b>  3.1 Memberi ulasan permohonan tambahan dan ubahan bangunan 3.2 Memberi ulasan permohonan pelan bangunan bagi rumah sesebuah 3.3 Memberi ulasan permohonan pelan bangunan bagi projek perumahan / kilang dan menara telekomunikasi	14 hari bekerja 14 hari bekerja 14 hari bekerja
4	<b>PERMOHONAN TANAH KERAJAAN</b>  4.1 Memberi ulasan permohonan tanah kerajaan secara Hakmilik tetap 4.2 Memberi ulasan permohonan tanah kerajaan secara lesen pendudukan Sementara	14 hari bekerja 14 hari bekerja
5	<b>GIS</b>  5.1 Memproses maklumat lot tanah, taman perumahan, pecahan tanah, jarak, rezab jalan, guna tanah (pelan/softcopy) dalam bentuk GIS kepada orang awam. 5.2 Mencetak dan menjual maklumat UAV (pelan/softcopy) bagi syarat penyerahan pelan kepada OSC	1 hari bekerja 1 hari bekerja
6	<b>UNIT PROJEK PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN LOBAK/PAROI</b>  6.1 Menerima aduan dan membuat siasatan serta menghantar laporan tentang aduan yang diterima berkenaan kediaman dan persekitaran rumah pangsa 6.2 Memberi dan menerima permohonan sewaan rumah PPRT	3 hari bekerja 14 hari bekerja



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Pelesenan Dan Pembersihan

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	Lesen Iklan Billboard	30 hari bekerja
2	Lesen Iklan Perniagaan	7 hari bekerja
3	Permit Sementara Perniagaan	3 hari bekerja
4	Surat Kelulusan Permohonan Lesen	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam tempoh 30 hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan &amp; Pembersihan Dan Pusat Setempat (OSC) MPS.</li> <li>• Makluman kelulusan lesen melalui laman web selepas Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan &amp; Pembersihan Dan Pusat Setempat (OSC) dalam tempoh 7 hari bekerja</li> </ul>
5	Bayaran Lesen <ul style="list-style-type: none"> <li>• Selepas tarikh kelulusan dan menyertakan sekali surat sokongan dari jabatan teknikal</li> </ul>	14 hari bekerja
6	Lesen 'Fast Track' <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi hotel dan kilang yang mana kelulusan bangunannya diluluskan untuk tujuan</li> </ul>	10 hari bekerja
7	Lesen Serta Merta <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jenis Perniagaan Tidak Berisiko</li> <li>ii. Permit Sementara bagi tapak di dalam Kompleks Perniagaan</li> <li>iii. Lesen Iklan bagi saiz standard 4' x 20'</li> </ul>	30 minit 30 minit 30 minit
8	<b>PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCORP)</b>	<b>(MPS HANYA MEMBUAT PEMANTAUAN DAN PENGESAHAN UNTUK BAYARAN KEPADA SWCORP)</b>
	2. Memastikan kerja-kerja pembersihan jalan dilakukan setiap hari di jalan protocol, jejantas, jejabat dan terowong	Setiap hari
	3. Memastikan semua longkang dibersihkan untuk 1 pusingan kecuali longkang tanah	30 hari bekerja
	4. Memastikan pemotongan rumput 2 kali dalam sebulan	Sebulan 2 kali
	5. Memastikan sampah domestic dan sampah pukal barang kitar semula dikutip berkala mengikut jadual kutipan sampah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 kali seminggu (sampah domestik)</li> <li>• 1 kali seminggu (sampah pukal)</li> </ul>
	6. Memastikan semua pasar awam, pusat penjaja dan tempat awam dibersihkan	Setiap hari



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Komuniti Dan Perhubungan Awam

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
A	<b>PENGURUSAN KEMUDAHAN SUKAN</b>	
	Kelulusan Tempahan Kemudahan Sukan <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kompleks Sukan Negeri, Paroi:               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Gelanggang Utama</li> <li>b) Gelanggang Serbaguna</li> </ul> </li> <li>ii. Stadium Tuanku Abdul Rahman</li> <li>iii. Pusat Akuatik Negeri, Paroi</li> <li>iv. Stadium Hoki, Seremban 2</li> <li>v. Padang Bola Sepak :               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Padang NS</li> <li>b) Padang Rasah Jaya</li> <li>c) Padang Lobak</li> </ul> </li> </ul>	3 hari bekerja 3 hari bekerja
B	<b>PENGURUSAN KOMUNITI</b>	
1	Program Kemasyarakatan (CSR, Sukan, Kebudayaan DLL) <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menganjurkan Program melibatkan masyarakat</li> </ul>	1 program setiap 2 bulan
2	Pengurusan Aduan Awam <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Maklumbalas Penerimaan Aduan</li> </ul>	Dikemukakan dalam tempoh 3 hari bekerja



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Jabatan Taman Dan Lanskap

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	<b>UNIT PENGELENGGARAAN POKOK (ADUAN E-PUBLIC)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1 Menerima, menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pelbagai aduan di tapak berpandukan lokasi dan butiran pengadu yang diterima</li> <li>1.2 Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dari segi cantasan dan penebangan pokok (bergantung kepada jenis aduan dan tahap masalah yang dihadapi)</li> </ul>	Kerja-kerja penyelenggaraan pokok dilaksanakan dalam tempoh 30-90 hari (bergantung kepada jenis aduan yang diterima)
2	<b>UNIT PENYELENGGARAAN (JALAN UTAMA)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>2.1 Kerja-kerja penyelenggaraan landskap di jalan-jalan utama</li> </ul>	Kerja-kerja penyelenggaraan landskap dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dan berkeupayaan serta dipantau oleh pihak jabatan  Laporan bulanan kerja penyelenggaraan dihantar setiap bulan bagi tujuan prestasi kerja dan penambahbaikan
3	<b>UNIT RENJER TAMAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>3.1 Menerima, menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pelbagai aduan di tapak berpandukan lokasi dan butiran pengadu yang diterima</li> <li>3.2 Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan alatan permainan kanak-kanak seperti membuka alatan permainan yang telah rosak dan menggantikan dengan peralatan yang baru (bergantung kepada jenis kerosakan dan alatan)</li> </ul>	Mengikut jadual penyelenggaraan bulanan  Kerja-kerja penyelenggaraan permainan kanak-kanak dilaksanakan dalam tempoh 30-90 hari bergantung kepada jenis aduan yang diterima



## MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

# PIAGAM PELANGGAN

## Unit Audit Dalam

BIL	PIAGAM PELANGGAN	KAEDAH PENGUKURAN
1	Menyediakan Rancangan Tahunan Audit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebelum atau pada 31 Januari setiap tahun</li></ul>
2	Menyediakan Laporan Tahunan Audit Dalam	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sebelum atau pada 31 Mac setiap tahun</li></ul>
